

NO. SOALAN: 465

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL[SUNGAI PETANI]

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat merombak semula dan menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah institusi bebas menurut Iunas Perlembagaan Persekutuan dan bukan menurut Akta Parlimen.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menambahbaik usaha-usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini termasuklah penambahbaikan dari segi undang-undang dan memperkemaskan prosedur-prosedur sedia ada.

Pada masa ini, selaras dengan penubuhan SPRM, 5 mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan yang bertindak sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan (JA) dibuat melalui peruntukan undang-undang berkaitan. Manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan serta Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.

Kelima-lima badan khas ini, diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM. Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan.

Sudah semestinya, persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan Kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan serta kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Perlu juga ditegaskan, usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa, Kerajaan sememangnya serius dan bersungguh-sungguh dalam menangani gejala rasuah di negara ini.

Sekian, terima kasih.